2	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Impian Setia, Jalan Impian Setia 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10 Dan 11, Taman Impian Setia, Saujana Impian, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
3	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Karunmas 1,2,3,5,6,7,8,10,13 Dan 15 Taman Desa Karunmas, Balakong Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
4	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Damai Perdana 5/1, 5/1A, 5/1B Dan 5/1C, Bandar Damai Perdana, Cheras Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
5	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Putera 8/1 ,10/1, 12/1, 14/1, 16/1, 18/1, 20/1, Seksyen 1, Bandar Mahkota Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
6	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan SL 13,13/1,13/2,13/3,13/4,13/5,13/6,13/7,Seksyen 13, Bandar Sungai Long, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
7	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan SL 3/1,SL 3/2 Dan SL 3/3, Seksyen 3, Bandar Sungai Long, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
8	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 9/10A, 9/10B, 9/10C, 9/10D, 9/10E, 9/10F, 9/10G Dan Jalan Tepi Seksyen 9 Bandar Baru Bangi Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
9	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 4/5 Dan 4/10 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.

## LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK MARRIS BAKI PANJANG JALAI TAHUN 2016 (FASA 2,3) SEHINGGA 16HB FEBRUARI 2017

10	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan P4/11, P4/12, Jalan 5/1, 5/2, 5/3, 5/4, 5/5, 5/6,5/7 Dan 5/8 Seksyen 5 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
11	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Mega A, 1A, 2 Dan 2A Perindustrian Mega,Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan
12	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 2/1A, 2/2, 2/3A, 2/3B, 2/3C, 2/3D, 2/3E, 2/4, 2/4A, 2/4B, 2/4C, 2/4D, 2/5, 2/5A Dan 2/5B, Bandar Rinching Fasa 2, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya
13	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 3/2, 3/3, 3/3A, 3/3B, 3/3C, 3/3E, 3/4, 3/4A, 3/4B, 3/5 Dan 3/5A Bandar Rinching Fasa 3, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya

# LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK PENJIMATAN MARRIS ADUN TAHUN 2016 (1,2,3) SEHINGGA 16HB FEBRUARI 2017

1	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Prima 1/1a, Taman Prima Saujana, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
2	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Utama, Taman Sinaran, Balakong Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
3	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 7/1, 7/2, 7/3, 7/4 Dan 7/5 Bandar Seri Putra Bangi Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
4	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Sebahagian Jalan Sungai Long Dan Jalan Persiaran Sungai Long 1, Bandar Sungai Long, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
5	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan 3, 4, 5, 6 Dan 7 Kampung Sungai Sireh, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
6	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Rinching Indah, 3, 4 Dan 5 Taman Rinching Indah, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.

# LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN DAN PELAKSANAAN PROJEK PENJIMATAN MARRIS PANJANG JALAN TAHUN 2016 (1,2,3) SEHINGGA 16HB FEBRUARI 2017

1	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Kajang Raya 1,2,3,4,5,6,7,8,9 Dan 10, Lorong Kajang Raya 1, Taman Kajang Raya, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
2	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Taming Kiri 1,2,3,4,5,6,7 Dan 7A, Taman Taming Kiri, Balakong Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
3	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Cerdik 1,2,3,4,5,6 Dan Jalan Cerdik Taman Universiti Bandar Baru Bangi Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
4	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Utama Permaisuri, Bandar Mahkota Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
5	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan P2/1, P2/2, P2/3, P2/4, P2/5, P2/6, P2/7,P2/8, P2/9, P2/10, P2/11, P2/12, P2/13, P2/14, P2/15, P2/16 Dan P2/17 Bandar Teknologi Kajang, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.

39	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Wangsa Cheras 1/6, Jalan Wangsa Cheras 1/9 Dan Jalan Wangsa Cheras 1/10, Taman Wangsa Cheras Fasa 2, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
40	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Cuepacs 5L Dan Kawasan Perniagaan Taman Koperasi Cuepacs, Taman Koperasi Cuepacs, Batu 7 1/2, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
41	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan TPS 2/4, 2/5, 2/6, 2/6A Dan Jalan Utama Hadapan Dewan Taman Pelangi Semenyih, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
42	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan BM 6/1,6/C,6/2A,6/6A,6/8A,6/12A,6/13A,6/15A Dan 6/17A Seksyen 6 Bandar Bukit Mahkota, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
43	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Sri Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
44	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Suadama 5/1,5/1A,7/1,7/2,7/3,9/1 Dan 9/1A, Bandar Tun Hussein Onn, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
45	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Penggawa 3/2,5/2,7/2,9/2 Dan 11/2, Seksyen 2, Bandar Mahkota Cheras, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
46	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Desa Kerinchi, Sungai Lui, Hulu Langat, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
47	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Persiaran Bukit Mewah 3, Jalan Bukit Mewah 78,79,80,81,82,83,84,85,86,Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
48	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Seri Damai 1,2,3,4,5, Taman Seri Damai, Kajang, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
49	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan 3/2A,3/3,3/3C,3/4,3/5 Bandar Rinching Seksyen 3, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
50	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Semenyih Permata, Jalan Semenyih Permata 2,3,4,5,6,7 Dan 9, Taman Semenyih Permata, Semenyih, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.
51	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Fairuza Seksyen 5, Bandar Baru Bangi,Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : HASIL PAKIR KENDERAAN MPKJ**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon menyatakan jumlah tempat letak kereta (pakir) dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengikut taman/kawasan.
- b) Berapakah hasil pakir yang dipunggut sejak lima tahun yang lepas?
- c) Berapa banyak kawasan/ taman baru serta jumlah petak yang diwartakan sebagai tempat letak kereta pada tahun 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah tempat letak kereta (pakir) dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berjumlah 19,388 petak meliputi Bandar Kajang, Bandar Baru Bangi, Batu 11, Cheras, Bandar Sungai Long dan Bandar Mahkota Cheras.
- b) Hasil pakir yang dipunggut sejak lima tahun yang lepas seperti berikut:-

Perkara	Tahun 2013	Tahun 2014	Tahun 2015	Tahun 2016	Tahun 2017
Hasil sewaan petak pakir	RM342,006.75	RM342,006.72	RM342,006.75	RM721,871.48	RM1,551,174.40

- c) Tiada kawasan/ taman baru serta jumlah petak yang diwartakan sebagai tempat letak kereta setakat ini pada tahun 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : HUTAN SIMPAN HULU LANGAT**

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah keluasan hutan/hutan simpan dalam daerah Hulu Langat dan lokasinya serta adakah apa-apa hasil hutan yang dikutip?
- b) Apakah agensi-agensi yang bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan-peraturan di hutan simpan termasuk pemantauan pencerobohan tanah, hasil hutan dan seumpamanya?
- c) Apakah Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mempunyai unit/ anggota Renjer Hutan seperti mana Majlis Bandaraya Petaling Jaya?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah bilangan hutan simpan di Daerah Kuala Langat adalah empat (4) sahaja iaitu Hutan Simpan Sungai Lalang dengan keluasan 17,027.77 ha, HS Sungai Lalang Tambahan (72.0 ha), HS Hulu Langat (13,843.52 ha) dan HS Sungai Jeloh (203.62 ha). Jumlah keluasan Hutan Simpanan Kekal di dalam Daerah Hulu Langat adalah 31,146.91 ha. Hasil hutan yang dikutip daripada Hutan Simpanan Kekal di Daerah Hulu Langat adalah pengeluaran bahan batuan (kuari) di Kompartmen 11, HS Sg. Lalang.
- b) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
- c) Tiada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SEKOLAH TAHFIZ**

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah sekolah tahfiz di Selangor yang berdaftar dan tidak berdaftar mengikut DUN.
- b) Apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membantu sekolah-sekolah tahfiz?
- c) Berapakah jumlah peruntukan kepada sekolah tahfiz dari 2014-2017 mengikut tahun?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Sekolah Tahfiz di Selangor yang berdaftar dan tidak berdaftar mengikut Daerah. Tidak dapat dinyatakan mengikut DUN.

DAERAH	MAAHAD TAHFIZ NEGERI	MAAHAD TAHFIZ PERSENDIRIAN	
		BERDAFTAR	TIDAK BERDAFTAR/ DALAM PROSES
Gombak	0	27	20
Klang	1	35	22
Kuala Langat	1	19	6
Kuala Selangor	0	25	12
Petaling	0	54	63
Sabak Bernam	1	13	4
Sepang	1	16	6
Hulu Langat	0	59	19
Hulu Selangor	0	18	4
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>262</b>	<b>156</b>

- b) Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan daripada segi bantuan baikpulih, bantuan alat pemadam api dan seminar kesedaran keselamatan. Kerajaan Negeri melaksana dan menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 1971).

- c) Jumlah peruntukan sekolah tahniz dari tahun 2014 sehingga 2017 seperti yang berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN</b>
2014	RM1,063,000.00
2015	RM1,285,000.00
2016	RM1,550,000.00
2017 ( FASA 1)	RM1,725,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM5,623,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PASAR TANI**

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pasar tani di Selangor mengikut PBT.
- Apakah kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu peniaga?
- Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pasar tani yang lebih bersih dan selamat?

**JAWAPAN:**

- Jumlah pasar tani di Negeri Selangor adalah 47. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH
MBSA	6
MBPJ	4
MPK	5
MPAJ	3
MPSJ	5
MPS	3
MPKJ	6
MPSp	7
MDKL	4
MDHS	2
MDKS	2
MDSB	0
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>

- Antara kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu peniaga untuk memasarkan produk-produk hasil tani adalah:
  - Pengecualian lesen perniagaan (penjaja) pada tahun 2107.
  - PBT menyediakan tapak yang sesuai untuk disewakan kepada FAMA.

- c) Pengoperasian pasar tani adalah di bawah kelolaan FAMA. Berdasarkan pemerhatian Kerajaan Negeri, pihak FAMA ada menempatkan anggota RELA di pasar-pasar tani bagi memastikan aliran trafik berjalan lancar dan memudahkan pengunjung ke pasar.

Selain itu, untuk menjaga kebersihan, tong-tong sampah disediakan dan kerja-kerja pembersihan kawasan juga dilaksanakan oleh PBT setelah operasi pasar tani tersebut selesai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT NEGERI**

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor serta objektifnya.
- b) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membetulkan hala tuju anak syarikat yang telah tersasar dari objektif penubuhannya?

**JAWAPAN:**

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 13 Anak Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3.	Tourism Selangor Sdn Bhd
4.	Communication Corporation Sdn Bhd
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd
6.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10.	Invest Selangor Berhad
11.	Yayasan Warisan Anak Selangor
12.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
13.	Yayasan Selangor

a) Objektif Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

<b>Bil</b>	<b>Nama Anak Syarikat</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>														
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	<p>Objektif penubuhan PNSB adalah mengikut pengkhususan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat subsidiarinya seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Nama Anak Syarikat (Pegangan 100%)</b></th><th><b>Objektif Penubuhan</b></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>PNSB Development Sdn. Bhd.</td><td>Pembangunan Hartanah</td></tr> <tr> <td>PNSB Management Consultancy Sdn. Bhd.</td><td>Pengurusan Projek &amp; Perkhidmatan Perunding</td></tr> <tr> <td>PNSB Properties Sdn. Bhd.</td><td>Pengurusan Hartanah Milik PNSB</td></tr> <tr> <td>PNSB Trading Sdn. Bhd.</td><td>Trading</td></tr> <tr> <td>PNSB Construction Sdn. Bhd.</td><td>Kontraktor Pembinaan</td></tr> <tr> <td>PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd.</td><td>Broker Insurans</td></tr> </tbody> </table>	<b>Nama Anak Syarikat (Pegangan 100%)</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>	PNSB Development Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah	PNSB Management Consultancy Sdn. Bhd.	Pengurusan Projek & Perkhidmatan Perunding	PNSB Properties Sdn. Bhd.	Pengurusan Hartanah Milik PNSB	PNSB Trading Sdn. Bhd.	Trading	PNSB Construction Sdn. Bhd.	Kontraktor Pembinaan	PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Broker Insurans
<b>Nama Anak Syarikat (Pegangan 100%)</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>															
PNSB Development Sdn. Bhd.	Pembangunan Hartanah															
PNSB Management Consultancy Sdn. Bhd.	Pengurusan Projek & Perkhidmatan Perunding															
PNSB Properties Sdn. Bhd.	Pengurusan Hartanah Milik PNSB															
PNSB Trading Sdn. Bhd.	Trading															
PNSB Construction Sdn. Bhd.	Kontraktor Pembinaan															
PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd.	Broker Insurans															
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	Objektif penubuhan BBGC adalah untuk menjadikan syarikat sebagai Resort Golf sebenar dalam setiap aspek perkhidmatan yang disediakan. Kualiti perkhidmatan yang cekap akan menjadi ciri utama kelab dan seterusnya kemudahan golf dan resort kelab akan menjadi antara yang terbaik di Malaysia.														
3.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	<p>Objektif penubuhan TSSB adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mempromosikan Industri Pelancongan Negeri Selangor.</li> <li>- menjadi badan pelancongan yang mempromosikan produk-produk pelancongan di Selangor</li> <li>- mengendalikan acara-acara yang memberikan impak besar kepada sektor pelancongan di negeri Selangor</li> <li>- dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara serta mengenalpasti</li> </ul>														

<b>Bil</b>	<b>Nama Anak Syarikat</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>
		produk-produk pelancongan yang boleh diketengahkan kepada pelancong luar khususnya.
4.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Objektif penubuhan CCSB adalah untuk mewujudkan sistem komunikasi berkesan di antara Kerajaan Negeri dan rakyat Negeri Selangor demi mewujudkan perkongsian harmoni dalam membangunkan Negeri Selangor serta berupaya menyebarluaskan kefahaman mengenai dasar dan hala tuju negeri dan mampu mengumpul maklum balas daripada rakyat.
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	Objektif penubuhan RMSB adalah untuk mempromosi dan mengurus program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang diletakkan dibawah pengendalian syarikat seperti Skim Mesra Usia Emas, Skim Kesihatan Wanita (Memogram), Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar), dan Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas)
6.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB)	Objektif penubuhan PIYSB adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- memberi pendidikan berkualiti tinggi dan terbaik kepada para pelajarnya yang disampaikan oleh para pensyarah yang komited kepada profesion mereka.</li> <li>- membuat penyelidikan yang berkualiti berdasarkan piawaian antarabangsa.</li> <li>- memperkuatkan reputasi kecemerlangan pada peringkat kebangsaan dan rantau Asean dan dari segi jangka panjangnya ke peringkat global.</li> <li>- menyumbangkan perkhidmatannya kepada masyarakat Selangor khususnya dan negara amnya.</li> <li>-</li> </ul>
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd (DEFM)	Objektif penubuhan DEFM adalah sebagai pengurus fasiliti dan aset kepunyaan MBI dan Kerajaan Negeri Selangor serta mengoptimumkan kualiti dan nilai-nilai komersil setiap aset yang diuruskan.

<b>Bil</b>	<b>Nama Anak Syarikat</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	<p>Objektif penubuhan KDEB adalah sebagai syarikat pegangan pelaburan didalam sektor yang berkepentingan kepada Kerajaan Negeri Selangor.</p> <p>KDEB masih selari dengan objektif penubuhannya. KDEB kini lebih memfokus kepada pelaburan di sektor pengurusan dan bekalan air.</p>
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	Objektif penubuhan KSSB adalah untuk menjadi sebuah organisasi yang menguruskan pengeksplorasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir, bahan batuan dan sumber-sumber mineral di Negeri Selangor.
10.	Invest Selangor Berhad (ISB)	<p>Objektif penubuhan ISB adalah untuk menjadi sebuah agensi promosi pelaburan kerajaan negeri yang bukan berorentasikan keuntungan. Aktiviti syarikat adalah di bawah Jawatankuasa Tetap Perdagangan, Pelaburan &amp; Perindustrian N.Selangor yang mana Invest Selangor Berhad akan melaksanakan program/aktiviti promosi pelaburan yang telah dirancang ke arah mempromosikan Negeri Selangor sebagai destinasi pelaburan pilihan para pelabur. Antaranya adalah penganjuran program seperti seminar/bengkel/mesyuarat/expo dan juga lawatan promosi penggalakkan pelaburan ke luar negara.</p> <p>Pada masa ini, hala tuju penubuhan dan aktiviti syarikat yang dijalankan oleh anak syarikat Invest Selangor Berhad masih lagi selari dengan objektif asal penubuhannya.</p>
11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	Berdasarkan Perkara 3 dalam Memorandum and Articles of Association (M&A), penubuhan YAWAS adalah untuk mewujudkan, menganjurkan mentadbir dan menyelenggara suatu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008 iaitu projek Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS).

<b>Bil</b>	<b>Nama Anak Syarikat</b>	<b>Objektif Penubuhan</b>
		Penetapan tarikh 1 Januari 2008 ini adalah suati titik permulaan pada penubuhan TAWAS yang merupakan salah satu program di dalam Agenda Merakyat Ekonomi Selangor (MES) yang dilahirkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008.
12.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	<p>Objektif Yayasan Hijrah Selangor adalah untuk membantu melebarkan pendapatan kelas menengah dengan menyediakan bantuan kewangan berbentuk modal tambahan kepada usahawan-usahawan di Negeri Selangor.</p> <p>Yayasan Hijrah Selangor masih meneruskan usaha untuk membantu golongan usahawan di Negeri Selangor dengan menyediakan modal tambahan bagi meningkatkan pendapatan mereka. Sehingga kini seramai 32,061 usahawan telah dibantu dengan modal tambahan yang disalurkan berjumlah RM278,208,500.0. Hijrah Selangor terus melangkah untuk mencapai sasaran 56,000 usahawan menjelang Jun 2018.</p>
13.	Yayasan Selangor	Menyediakan prasarana pendidikan meliputi program, pemberian biasiswa dan pinjaman pelajaran, penyediaan asrama untuk anak-anak Selangor khususnya melalui pendapatan yang dijana YS daripada sewaan, projek pembangunan harta tanah dan perladangan. Hala tuju YS masih lagi seperti objektif penubuhannya.

b) Pada masa ini Anak Syarikat Kerajaan Negeri masih lagi melaksanakan pentadbiran dan pengurusan syarikat selaras dengan objektif dan matlamat asal penubuhannya. Walau bagaimanapun, terdapat dua(2) Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang telah mengalami perubahan struktur bagi tujuan menambah baik prestasi syarikat serta bagi memastikan kelangsungannya pada masa hadapan. Perincian maklumat kepada Anak Syarikat yang berkaitan adalah seperti berikut:-

i) **Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)**

- Pada peringkat awal, BBGC merupakan sebuah syarikat di bawah Talam Corporation Berhad. Seterusnya, Kerajaan Negeri telah mengambil alih BBGC daripada pihak Talam susulan daripada jumlah tunggakan hutang pihak Talam kepada Kerajaan Negeri adalah begitu besar.
- Bagi mengelakkan jumlah tunggakkan tersebut menjadi lebih besar, satu Perjanjian Penyelesaian antara kedua pihak telah dipersetujui dan BBGC secara rasmi telah diambilalih oleh kerajaan negeri dan diletakkan dibawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI).
- Sehingga kini, objektif asal BBGC masih belum dipinda memandangkan Ahli Lembaga Pengarah BBGC berpendapat belum ada keperluan memandangkan BBGC sehingga kini tidak diuruskan sendiri oleh pihak Pemegang Saham (MBI). Bermula pada bulan Jun 2010 sehingga kini, BBGC telah diuruskan oleh pihak ketiga melalui kontrak Pengurusan dan Operasi Kelab Golf.

ii) **Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)**

- Sejak dari awal penubuhannya, YAWAS berfungsi sebagai agen promosi dan pengurusan program Insentif Peduli Rakyat (IPR).
- Pada peringkat permulaan, hanya satu program IPR sahaja di diletakkan di bawah kendalian RMSB, iaitu Skim Mesra Emas. Kemudian pada tahun 2010, Skim Kesihatan Wanita (Memogram) mula diletakkan di bawah pengurusan RMSB. Namun, fungsi syarikat tetap sama, iaitu promosi dan pengurusan semua program IPR di bawah kendaliannya. Seterusnya Sikembar dan Tunas mula ditambah pada tahun 2012.
- Pada tahun 2016, RMSB dan YAWAS diarahkan untuk bergabung di mana semua program IPR di bawah kendalian RMSB akan dipindahkan ke bawah YAWAS dan semua kakitangan RMSB akan diserap ke dalam YAWAS.

- Pada 16 Oktober 2016, kakitangan RMSB telah mula berpindah masuk ke pejabat YAWAS dan seterusnya pada 1 Mei 2017, kakitangan RMSB telah diserap masuk ke dalam organisasi YAWAS.
- Urusan pergabungan antara RMSB dan YAWAS, masih lagi berjalan dan dijangka akan selesai sepenuhnya akhir tahun 2017 atau awal tahun 2018. Apabila proses pergabungan selesai sepenuhnya, RMSB sama ada akan ditutup operasinya atau akan di 'dormant' kan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SKIM PERKHIDMATAN AWAM SELANGOR**

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua penambahbaikan skim perkhidmatan awam Selangor dari 2010 sehingga kini.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan skim perkhidmatan tersebut menjamin kebajikan penjawat awam di masa hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2017 yang diadakan pada 7 Jun 2017 dan yang telah disahkan oleh MMKN ke 20/2017 pada 14 Jun 2017 telah menimbang dan meluluskan cadangan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran yang melibatkan kenaikan gaji, perubahan nama skim, penambahbaikan syarat lantikan, kemudahan cuti, tatacara pertukaran pelantikan dan kemudahan laluan kerjaya bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri dan telah dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada penerimaan masing-masing.

Berikut adalah senarai Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran dari tahun 2010 hingga tahun 2017 yang diluluskan untuk diguna pakai bagi pegawai perkhidmatan awam Negeri Selangor :

TAHUN 2010		
Bil.	Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Edaran	Tarikh Kuatkuasa
1.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2010 – Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menderma Organ	2 Februari 2010
2.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2010 – Panduan Pengurusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam	30 Jun 2010

3.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2010 – Pelantikan Secara Kontrak Bagi Pesara Sebagai Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Dan Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri	8 Januari 2010
4.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/2010 – Pelaksanaan Modul Pengurusan Saraan, Faedah Dan Ganjaran - Submodul Pengurusan Cuti	19 Januari 2010
5.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2010 – Penyeragaman Waktu Bekerja Berperingkat Bagi Semua Agensi Kerajaan Persekutuan Di Negeri-Negeri Yang Hari Rehat Mingguannya Ialah Hari Jumaat	1 Mei 2010
6.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2010 – Pelaksanaan Modul Penamatan Perkhidmatan - Urusan Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58 Tahun, Urusan Persaraan Pilihan Dan Fungsi Kematian Dalam Perkhidmatan	1 April 2010
7.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2010 – Pindaan Kepada Lampiran A – Senarai Skim-Skim Perkhidmatan Yang Memperuntuk Syarat Lantikan Di Peringkat Ijazah Sarjana Dan/Atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	11 Jun 2010
8.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/2010 – Panduan Pelaksanaan Pementoran Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam	11 Jun 2010
9.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/2010 – Pelaksanaan Submodul Pengurusan Perhubungan Majikan Pekerja – Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Aplikasi HRMIS	4 Oktober 2010
10.	Surat Edaran - Kelayakan Pemberian Bantuan Sara Hidup Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Mengikuti Kursus/ Cuti Belajar Jangka Panjang	1 Februari 2010
<b>TAHUN 2011</b>		
11.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2011 – Kelayakan Sijil Kemahiran Malaysia Bagi Maksud Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam	1 Januari 2011
12.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/2011 – Dasar Dan Prosedur Pelantikan Bekas Tentera Ke Dalam Perkhidmatan Awam	22 Februari 2011
13.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/2011 – Pembekalan Baju Vest Bagi Penghantar Notis	1 April 2011

14.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/2011 – Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam	28 Oktober 2011
15.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15/2011 – Pelaksanaan Pemeriksaan Kesihatan Bagi Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam	1 Januari 2012
16.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2011 – Pelaksanaan Modul Perolehan Sumber Manusia - Fungsi Permohonan Pertukaran	20 Oktober 2011
17.	Surat Edaran – Kaedah Pengiraan Elaun Pemangkuan Pegawai Yang Memangku Gred Kumpulan Pengurusan Tertinggi Dalam Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam	1 Januari 2012
<b>TAHUN 2012</b>		
18.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13/2012 – Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	1 Januari 2013
19.	Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2012 – Kaedah Pemberian Anjakan Gaji Berdasarkan Jadual Gaji Minimum-Maksimum	1 Januari 2012
<b>TAHUN 2016</b>		
20.	Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/2016 – Dasar Baharu Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negara	7 November 2016
21.	Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2016 – Panduan Pertukaran Pelantikan	7 Oktober 2016
22.	Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2016 – Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus ( <i>Subject Matter Expert – SME</i> ) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	20 Disember 2016
23.	Pekeliling Perkhidmatan Bil.8/2016 – Kemajuan Kerjaya Laluan Secara Pantas ( <i>Fast Track</i> ) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan	21 Disember 2016
24.	Pekeliling Perkhidmatan Bil.11/2016 – Kemudahan Cuti Kuarantin	1 Januari 2017
<b>TAHUN 2017</b>		
25.	Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2017 – Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu	28 Februari 2017

Tambahan lagi, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 18/2016 yang diadakan pada 1 Jun 2016 dan yang telah disahkan oleh MMKN ke 19/2016 pada 8 Jun 2016 telah menimbang dan meluluskan cadangan menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saran Malaysia yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016 untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Negeri dan telah dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri tertakluk kepada penerimaan masing-masing.

Rasionalisasi ini adalah untuk mempermudah pengurusan skim perkhidmatan bagi menarik dan mengekal modal insan terbaik, mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya dan mengemas kini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa. Hasil kajian menyeluruh daripada 252 skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa terdapat skim perkhidmatan yang ditambah baik, dijumlah dan dimansuhkan dan jumlah skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada tarikh kuatkuasa pekeliling ini adalah 240 skim perkhidmatan. Terdapat tiga (3) perkara utama berkaitan penambahbaikan skim perkhidmatan melalui pekeliling ini iaitu Gaji Permulaan Terendah (GPT) dalam perkhidmatan awam pada RM1,200 sebulan, penambahbaikan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) dan faedah Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) kecuali yang terlibat dalam pemindahan ke gaji permulaan yang baharu di JGMM baharu.

Bagi menghargai perkhidmatan awam atas sumbangan dan khidmat bakti kepada Kerajaan Negeri Selangor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN) telah melaksanakan urusan pengambilan pegawai lantikan *Contract of Service* (CoS) ke tetap bagi pegawai CoS lantikan Negeri Selangor yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Pelaksanaan ini adalah berdasarkan pengumuman bajet tahun 2016 oleh YB Perdana Menteri. Seramai 42 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam kumpulan pertama pelaksanaan pada tahun 2016 dan seramai 70 orang pegawai dan kakitangan yang terlibat bagi tahun 2017.

- b) Sebarang penambahbaikan skim perkhidmatan awam yang berlaku di peringkat persekutuan yang melibatkan dasar dan polisi akan digubal dan dilaksanakan di Selangor tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PUSAT DIALISIS**

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah pusat dialisis yang terdapat di Selangor mengikut DUN.
- Nyatakan jumlah pesakit yang menerima rawatan dari 2014-2017.
- Nyatakan jumlah peruntukan bagi membantu pusat dialisis di Selangor.

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa jumlah pusat dialisis yang berdaftar dengan *National Renal Registry* (NRR) bagi negeri Selangor adalah sebanyak 150 buah. Maklumat pusat dialisis adalah mengikut pecahan bandar seperti di **Lampiran 1**.
- Jumlah pesakit yang berdaftar di negeri Selangor yang diperolehi daripada pihak NRR adalah sebanyak 6,650 orang.
- Kerajaan Negeri mula melaksanakan Program Bantuan Sihat Selangor pada tahun 2010. Salah satu bantuan yang diberikan adalah kepada pesakit kegagalan buah pinggang untuk menjalani rawatan dialisis. Sebanyak RM3,738,762.00 peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pembayaran rawatan dialisis iaitu dengan jumlah seramai 1,412 pesakit yang menerima rawatan dialisis sejak tahun 2010 sehingga 2016. Pecahan peruntukan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut :

<b>TAHUN</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>BILANGAN PESAKIT</b>
<b>2010</b>	123,950.00	64
<b>2011</b>	152,980.00	79
<b>2012</b>	230,000.00	115
<b>2013</b>	267,160.00	146
<b>2014</b>	218,110.00	111
<b>2015</b>	1,042,703.00	299
<b>2016</b>	1,703,859	598
<b>JUMLAH</b>	<b>3,738,762.00</b>	<b>1,412</b>

Bermula tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan bagi program Panel Dialisis Sihat Selangor kepada RM5,000,000.00 setahun

dengan menganggarkan seramai 1,000 orang pesakit akan menerima manfaat tersebut. Sehingga 31 Oktober 2017, sebanyak RM3,570,000.00 telah diluluskan kepada 639 orang pesakit yang menjalani rawatan dialisis.

**Lampiran 1****SENARAI PUSAT DIALISIS DAN PESAKIT DI NEGERI SELANGOR**

LOKASI	BILANGAN PUSAT	BILANGAN PESAKIT
Ampang	7	416
Balakong	1	13
Bangi	5	173
Banting	3	157
Batang Berjuntai	1	23
Batang Kali	1	43
Batu Caves	14	774
Bestari Jaya	2	15
Dengkil	1	32
Kajang	10	422
Kapar	2	69
Kelana Jaya	1	54
Klang	19	988
Kuala Kubu Bharu	1	53
Kuala Selangor	3	106
Petaling Jaya	22	1005
Puchong	4	194
Puchong Jaya	1	62
Rawang	6	134
Sabak Bernam	2	100
Semenyih	3	89

LOKASI	BILANGAN PUSAT	BILANGAN PESAKIT
Sepang	2	94
Seri Kembangan	7	212
Shah Alam	14	680
Subang Jaya	6	314
Sungai Besar	2	93
Sungai Buloh	5	125
Tanjung Karang	2	80
Telok Panglima Garang	2	91
Ulu Kelang	1	39
JUMLAH	150	6650

Bandar	Nama	Bilangan
Ampang	KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital, HD Unit Pusat Dialisis Khidmat, HD Unit Pusat Dialisis Rakyat (Lembah Keramat), HD Unit Pusat Dialisis Rakyat Ampang, HD Unit Pusat Hemodialisis Kau Ong Yah Ampang, HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Islah (KL), HD Unit	6
Balakong	SJAM-KPS Haemodialysis Centre 12 (Balakong), HD Unit	1
Bangi	Bangi Dialysis Centre, HD Unit Ibnu Al-Nafis Dialysis Centre, HD Unit Pusat Perubatan Dialisis (Bangi), HD Unit Suriya Dialysis Centre, HD Unit Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi, HD Unit	5
Banting	Pusat Rawatan Hemodialysis Felina, HD Unit SJAM-KPS Haemodialysis Centre 3 (Banting), HD Unit	2
Batang Berjuntai	Pusat Rawatan Dialysis Caring (Batang Berjuntai), HD Unit	1
Batang Kali	Pusat Hemodialisis Syifa (Batangkali), HD Unit	1

<b>Bandar</b>	<b>Nama</b>	<b>Bilangan</b>
<b>Batu Caves</b>	EAM Dialysis Centre, HD Unit Platinum Dialysis Centre, HD Unit Pusat Dialisis NKF-Rotary Damansara, HD Unit Pusat Hemodialisis MAIWP-PICOMS, HD Unit Pusat Hemodialisis Permata, HD Unit Pusat Hemodialysis Yayasan Veteran ATM (Batu Caves), HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Islah (Batu Caves), HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Islah (Prima Sri Gombak), HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Islah (Selayang), HD Unit	<b>9</b>
<b>Bestari Jaya</b>	Pusat Hemodialisis Bestari Jaya, HD Unit Klinik Waqaf An-Nur (Ijok), HD Unit	<b>2</b>
<b>Dengkil</b>	Pusat Perubatan Dialisis (Dengkil), HD Unit	<b>1</b>
<b>Kajang</b>	KPJ Kajang Specialist Hospital, HD Unit MAA-Medicare Kidney (Kajang), HD Unit Pusat Dialisis Airah, HD Unit Pusat Dialisis Kajang, HD Unit Pusat Dialysis Nefro Utama (Kajang Prima), HD Unit Pusat Hemodialysis Harmoni (Sungai Long), HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Farah Mahami, HD Unit Quality Dialysis Care (Bangi), HD Unit	<b>8</b>
<b>Kapar</b>	Pusat Dialisis Zara, HD Unit Pusat Dialysis Mesra Kapar, HD Unit	<b>2</b>
<b>Kelana Jaya</b>	MB Star Rawatan Dialisis (Kelana Jaya), HD Unit	<b>1</b>
<b>Klang</b>	Bakti-NKF Dialysis Centre, HD Unit Dialisis Permodalan Negeri Selangor Berhad, HD Unit Jerteh Dialysis Centre, HD Unit KPJ Klang Specialist Hospital, HD Unit Manipal Hospitals, HD Unit Persatuan Haemodialysis Klang, HD Unit Pusat Dialisis Caring (Cawangan Meru), HD Unit Pusat Dialisis MAIS Cawangan Kapar, HD Unit Pusat Dialisis Nephrocure (Klang), HD Unit Pusat Dialisis NKF-Kelab Apex, HD Unit Pusat Dialisis Rakyat Sementa, HD Unit Pusat Perubatan Pakar Sri Kota, HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Mukmin Sri Andalas, HD Unit Quality Dialysis Care (Klang), HD Unit Rawatan Dialisis Bukit Tinggi, HD Unit S.P. Menon Dialysis Centre (Klang), HD Unit SJAM-KPS Haemodialysis Centre 1 (Raja Muda Musa), HD Unit SJAM-KPS Pusat Hemodialisis Klang (Station 2), HD Unit	<b>18</b>
<b>Kuala Selangor</b>	Pusat Dialisis MAIS, HD Unit Pusat Dialisis Mesra (Kuala Selangor), HD Unit	<b>3</b>

<b>Bandar</b>	<b>Nama</b>	<b>Bilangan</b>
	SJAM-KPS Haemodialysis Centre 6 (Kuala Selangor), HD Unit	
<b>Petaling Jaya</b>	Assunta Hospital, HD Unit Damansara Specialist Hospital, HD Unit Healthcare Dialysis Centre, HD Unit MDZ Haemodialysis Centre, HD Unit Mynephro Dialysis Sdn Bhd, HD Unit Persatuan Dialisis Kurnia PJ, HD Unit Persatuan Dialisis Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz, HD Unit Pusat Dialisis NKF - Dato' Dr GA Sreenevasan, HD Unit Pusat Dialisis Rakyat Taman Medan, HD Unit Pusat Dialisis Touch, HD Unit Pusat Dialysis Sri Manja, HD Unit Pusat Hemodialysis Fasa (Kg Medan), HD Unit Pusat Hemodialysis Fasa (Sri Manja), HD Unit Pusat Hemodialysis Harmoni (Damansara), HD Unit Renal Associates, HD Unit Renal Care Dialysis Services, HD Unit Renal Team Dialysis Centre (Ara Damansara), HD Unit S.P. Menon Dialysis Centre (Petaling Jaya), HD Unit Syukur Dialisis (Petaling Jaya), HD Unit Tropicana Medical Centre, HD Unit Tulips Dialysis Centre, HD Unit Yayasan Kebajikan SSL, HD Unit	<b>22</b>
<b>Puchong</b>	BBA (Puchong) Dialysis Centre, HD Unit MB Star Rawatan Dialisis Puchong Utama, HD Unit Syukur Dialisis (Puchong), HD Unit Yayasan Kebajikan SSL Puchong, HD Unit	<b>4</b>
<b>Puchong Jaya</b>	Pusat Rawatan Dialisis Nefro Utama (Puchong), HD Unit	<b>1</b>
<b>Rawang</b>	DSS Dialysis Centre (Rawang), HD Unit KPJ Rawang Specialist Hospital, HD Unit Pusat Dialysis Ibnu Sina (Cawangan Rawang), HD Unit Pusat Hemodialisis Nur'ain, HD Unit SJAM-KPS Haemodialysis Centre 5 (Rawang), HD Unit SJAM-KPS Pusat Hemodialisis Tasik Puteri, HD Unit	<b>6</b>
<b>Sabak Bernam</b>	Pusat Rawatan Dialisis Quality Dialysis Care (Sabak Bernam), HD Unit	<b>1</b>
<b>Semenyih</b>	Kaizenbros Dialysis Centre, HD Unit Pusat Hemodialisis Nilam (Semenyih), HD Unit Pusat Perubatan Dialisis Semenyih, HD Unit	<b>3</b>
<b>Sepang</b>	Pusat Dialisis Gemilang, HD Unit Pusat Hemodialisis Mawar Cawangan Sepang, HD Unit	<b>2</b>
<b>Seri Kembangan</b>	Hemodialisis Yayasan Veteran ATM (S Kembangan), HD Unit Nefrol I-Care HDC, HD Unit Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron (Lestari), HD Unit	<b>7</b>

<b>Bandar</b>	<b>Nama</b>	<b>Bilangan</b>
	Pusat Dialisis Pakar Medi-Nefron (Putra Permai), HD Unit Pusat Haemodialysis Nilam (Seri Kembangan), HD Unit Pusat Hemodialysis Mawar N. Sembilan (Seri Kembangan), HD Unit SJAM-KPS Pusat Hemodialysis Serdang Raya (Station14), HD Unit	
<b>Shah Alam</b>	DEMC Dialysis Centre, HD Unit KPJ Selangor Specialist Hospital, HD Unit PJCC Dialysis Centre, HD Unit Pusat Dialisis Aiman Shah Alam, HD Unit Pusat Dialisis An'nur Seksyen 13, HD Unit Pusat Dialisis An'nur, HD Unit Pusat Dialisis MAIS (Shah Alam), HD Unit Pusat Dialisis MAIS Cawangan Bukit Jelutong, HD Unit Pusat Dialisis Subang, HD Unit Pusat Hemodialysis Shah Alam, HD Unit SJAM-KPS Haemodialysis Centre 11 (Shah Alam), HD Unit Syukur Dialisis (Shah Alam), HD Unit	<b>12</b>
<b>Subang Jaya</b>	Eagles Dialysis Centre, HD Unit Sime Darby Medical Centre Subang Jaya, HD Unit Smartcare Dialysis Centre (Subang Jaya), HD Unit Subang Dialysis Centre, HD Unit Sunway Medical Centre (2), HD Unit Sunway Medical Centre, HD Unit	<b>6</b>
<b>Sungai Besar</b>	Pusat Dialisis MAIS Cawangan Sungai Besar, HD Unit Pusat Rawatan Dialisis Caring-Caring Dialysis (Sg Besar), HD Unit	<b>2</b>
<b>Sungai Buloh</b>	Bahiah Dialysis Centre, HD Unit Pusat Dialisis Mukmin Sungai Buloh, HD Unit Pusat Dialysis Mesra (Rahman Putra), HD Unit Pusat Perubatan Universiti Teknologi Mara, HDU Unit	<b>4</b>
<b>Tanjong Karang</b>	Quality Dialysis Care (Tanjung Karang), HD Unit	<b>1</b>
<b>Telok Panglima Garang</b>	Pusat Dialisis Mukmin Telok Panglima Garang, HD Unit Pusat Dialisis Sijangkang, HD Unit	<b>2</b>
<b>Ulu Kelang</b>	Pusat Dialisis MAIS (Melawati), HD Unit	<b>1</b>
<b>WP Putrajaya</b>	Pusat Rawatan Dialisis Hidayah, HD Unit	<b>1</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>135</b>

\*Tidak termasuk HD di Hospital Kerajaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : IBU TUNGGAL**

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah ibu tunggal yang berjaya dibantu dengan pendekatan memberi peluang pekerjaan atau perniagaan untuk menyara kehidupan mereka?
- b) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap bantuan yang disalurkan sampai kepada ibu tunggal?
- c) Bagaimana cara Kerajaan Negeri mengenal pasti status ibu tunggal jika ada yang tidak mendaftar atau melaporkan status semasa mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin akan kebajikan dan keperluan wanita keseluruhannya termasuk golongan ibu tunggal. Pelbagai program telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan bagi tujuan menggalakkan aktiviti keusahawanan dan perniagaan sekaligus memberi ruang dan peluang pekerjaan kepada golongan wanita.

Antaranya program pendekatan yang memberi peluang pekerjaan atau perniagaan untuk menyara kehidupan golongan wanita ini adalah Program Skim Mikro Kredit Hijrah dengan penyertaan seramai 2,864 orang ibu tunggal telah dibantu dan menerima manfaat sehingga kini dengan jumlah nilai pinjaman perniagaan sebanyak RM19,066,500.00. Bidang perniagaan makanan, pembekalan, pemprosesan, penternakan, perkhidmatan dan pertanian adalah antara bidang perniagaan yang diceburi.

Selain daripada itu, melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB), seramai 12 orang ibu tunggal telah berjaya dilahirkan menjadi usahawan kecil yang memperoleh pendapatan daripada aktiviti keusahawanan yang dipelajari. Bidang pembuatan makanan, jahitan dan seni kraftangan adalah antara bidang perniagaan yang dilaksanakan. Berdasarkan rekod, terdapat usahawan kecil PWB ini berjaya menjana pendapatan sehingga RM6,000.00 sebulan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan pelbagai ruang dan peluang dengan menyediakan pelbagai inisiatif peduli rakyat untuk dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat di Selangor. Inisiatif-inisiatif yang disediakan ini layak

untuk dipohon oleh individu secara terus dengan syarat mematuhi kriteria-kriteria yang digariskan. Sehubungan itu, setiap permohonan bantuan tersebut akan disalur dan diterima secara langsung kepada pemohon yang berkaitan.

Manakala program-program pemberdayaan wanita melalui PWB turut dijalankan secara percuma dan secara terus agar ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti di setiap kawasan DUN seluruh Selangor.

- c) Status seseorang ibu tunggal dapat dikenalpasti melalui borang penilaian keberkesanan program dalam program-program di bawah anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB). Namun begitu, status tersebut bukan menjadi syarat untuk membolehkan penyertaan mereka dalam program-program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri berharap agar program-program pemberdayaan wanita dan inisiatif-inisiatif bantuan yang disediakan ini akan dapat dimanfaatkan dan sampai secara terus kepada seluruh golongan wanita di Selangor tanpa mengira latar belakang dan status mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PENGUATKUASAAN KEMPEN BEBAS PLASTIK**

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah kerjasama yang dijalin bersama NGO dalam menggiatkan usaha memastikan kempen ini dipatuhi peniaga?
  - b) Apakah tindakan yang drastik kepada peniaga seandainya masih berdegil?
  - c) Apakah terdapat skuad atau badan khusus untuk memastikan penguatkuasaan bebas plastik ini sebagai satu yang serius bukan kempen bermusim?

**JAWAPAN:**

- a) Kempen #BebasPlastik yang sedang giat dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) semakin menerima kesan yang positif daripada para peniaga dan pengguna. Pelbagai program dilaksanakan antaranya Program Bazar Ramadan Mampan, Karnival Pengguna #BebasPlastik dan Program Pembersihan Persisiran Pantai bagi memberi kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai tentang kempen ini.

Kerjasama dengan NGO turut dibuat, antaranya bersama Persatuan Tzu Chi. Selain itu, PBT Negeri Selangor banyak menjalankan Kempen #BebasPlastik dan polistirena di peringkat Majlis dengan kerjasama Ahli Majlis, jawatankuasa penduduk serta persatuan peniaga dan penjaja.

- b) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri (SPBT) Bil. 1/2016 dan keputusan MMKN Bil. 21/2016 untuk meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga melakukan pemeriksaan mengejut ke premis-premis perniagaan, terutamanya pasaraya besar dan superstor bagi memastikan peniaga-peniaga mematuhi syarat-syarat lesen selain mengeluarkan notis amaran kepada peniaga-peniaga yang ingkar. Denda maksimum RM1,000.00 akan dikenakan ke atas peniaga atau atau mana-mana pemegang lesen perniagaan daripada PBT yang melanggar syarat lesen.

- c) Pemantauan, pemeriksaan berjadual dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tanpa mengira musim untuk memastikan kejayaan Kempen #BebasPlastik dan larangan menggunakan polistirena di kalangan peniaga dipatuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : MISKIN BANDAR**

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan sistem yang digunakan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti jumlah pelajar bawah umur yang tercicir di bandar.
- b) Apakah pelan strategik untuk Kerajaan Negeri terhadap anak-anak dari keluarga miskin bandar agar mereka dapat keluar dari kategori ini?

**JAWAPAN:**

- a) Ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang sistem untuk mengenalpasti jumlah pelajar bawah umur yang tercicir di bandar. Data dan statistik pelajar sekolah adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu, usaha membasmikan kemiskinan terutamanya dari aspek pendidikan sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan memastikan semua rakyat terutamanya golongan miskin sentiasa memperoleh manfaat. Menyedari hakikat ini, program-program pembiayaan dan penajaan pendidikan sentiasa dipelbagaikan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan.
- b) Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”. Pelbagai usaha terus dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam merealisasikan “*Distributive Justice*” kepada rakyat. Namun begitu, program-program pembasmian kemiskinan ini adalah bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor serta tidak menfokuskan golongan miskin bandar sahaja.

Sehingga September 2017, sejumlah empat puluh dua (42) Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang sentiasa peduli dan mengutamakan rakyat. Sebagai contoh, dari segi dimensi pendidikan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Peduli Siswa, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/ IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk

Anak Pekerja Ladang. Program-program seumpama ini merupakan antara insiatif Kerajaan Negeri dalam membantu meringankan bebanan rakyat di bandar dan luar bandar melalui penajaan/ pembiayaan pendidikan. Justeru itu, ianya diharap dapat mengupayakan rakyat untuk keluar daripada kitaran kemiskinan dan seterusnya melahirkan modal insan yang berupaya menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri Selangor.